

Selangorkini -6 Sept 2013

## Rakyat mahu PM bayar minyak guna wang peribadi

SHAH ALAM - Rakyat yakin pimpinan Kerajaan Pusat akan menjivai penderitaan rakyat kebanyakan sekiranya mereka membayar sendiri perbelanjaan petrol atau diesel.

Mereka yang ditemui krew Selangor Kini berkata, pimpinan Kerajaan Pusat nampaknya tidak terkesan dengan kenaikan harga minyak ini mungkin kerana sekian lama hidup selesa dengan keistimewaan yang diberikan.

Bagi Najamuddin Noor, 33, pemimpin sepatutnya merasa susah senang bersama rakyat,



Najamuddin Noor



Syazwani Sufian



Abdul Aziz

supaya mereka lebih dihormati pada masa depan.

"Dengan membayar duit petrol/diesel menggunakan wang sendiri, secara tidak langsung pemimpin boleh menyelami beban rakvat mar-

haen," katanya.

Manakala bagi Syazwani Sufian, 24, pemimpin perlu menunjukkan contoh teladan yang baik kepada rakyat.

"Jika mereka menggunakan perbelanjaan sendiri (membayar petrol/diesel), beban pembayar cukai juga kurang. Elok dilakukan kerana kesan kenaikan tersebut tidak memberi kesan kepada golongan ini," tambahnya.

Manakala bagi Abdul Aziz Mohd Jadi, 63, cadangan membayar petrol/diesel guna wang peribadi adalah baik.

"Dengan cara ini pemimpin boleh memahami apa yang ditanggung rakyat apabila berlaku kenaikan harga barang di pasaran," katanya.